

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE-EMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI  
(LAHAD DATU)**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI [ LAHAD DATU ] minta MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan cadangan menaik taraf atau membina baru Lapangan Terbang Lahad Datu, anggaran kos, sumber kewangan dan bilakah ianya akan dimulakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sebarang cadangan untuk menaik taraf atau membina baru Lapangan Terbang Lahad Datu akan dipertimbangkan mengambil kira kemampuan kewangan Kerajaan. Di samping itu, cadangan tersebut juga adalah tertakluk kepada Kajian Pelan Strategik Lapangan Terbang Negara (NASP) yang akan dimulakan pada penghujung tahun 2021 bagi semua 42 lapangan terbang sedia ada.

Sebarang cadangan untuk menaik taraf atau membina lapangan terbang baharu perlu disokong oleh unjuran-unjuran yang realistik dan tepat, khususnya unjuran permintaan perkhidmatan penumpang dan kargo serta komitmen syarikat penerbangan yang ingin menggunakan Lapangan Terbang Lahad Datu, lebih-lebih lagi dalam era pasca COVID-19.